

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-79, berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit (Lihat muka 2 hingga 5)

Kebawah DYMM berkenan hantar titah perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand sempena dengan Hari Keputeraan baginda yang Ke-73 Tahun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand.



Berita Utama

TINJAUAN persediaan bagi memastikan kelancaran majlis

Muka 7

TAZKIRAH Subuh serikan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat

Muka 9

DEDAHKAN murid dengan keunikan budaya, tradisi Brunei

Muka 12

RENCANA

LAHIRKAN generasi usahawan pertanian muda

Muka 21

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-79, berlangsung di Istana Nurul Iman. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-79, berlangsung di Istana Nurul Iman, malam tadi.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	ISNIN	3	4.44	4.54	6.17	6.40	12.28	3.50	6.37	7.51
29	SELASA	4	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
30	RABU	5	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
31	KHAMIS	6	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
1 OGOS	JUMAAT	7	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.37	7.50
2	SABTU	8	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
3	AHAD	9	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
35 25 °C	34 25 °C	33 24 °C	
Pekan Bangar			
36 25 °C	34 24 °C	33 23 °C	
Pekan Tutong			
34 25 °C	33 24 °C	33 24 °C	
Kuala Belait			
34 25 °C	34 25 °C	33 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

28 JULAI 2025

Berbahasa, berbangsa dalam kehidupan sehari-hari

BAHASA menunjukkan bangsa. Inilah yang sering *kitani* dengar apabila melibatkan bahasa. Sesungguhnya kehebatan sesuatu bangsa sahaja tidak diukur dengan kemajuannya tetapi juga keupayaan terhadap penghayatan budi bahasa dan nilai-nilai murni. Bahasa rasmi di negara ini iaitu bahasa Melayu sewajarnya diletakkan sesuai dengan martabatnya sebagai bahasa rasmi negara. Orang-orang Brunei perlu menjiwai bahasa tersebut sehingga sehati dan berakar umbi dalam jiwa dan semangat mereka.

Bahasa yang indah menggambarkan bangsanya yang memiliki budi pekerti yang tinggi. Justeru terciptalah ungkapan 'orang berbudi kita berbahasa' yang menggambarkan jiwa bangsa *kitani* yang penuh kelembutan, bersopan santun. Setentunya satu perkara yang merugikan dan memalukan jika terdapat dalam kalangan bangsa kita sendiri tidak mempraktikkan amalan ini dalam kehidupan sehari-hari kita.

Dapatkah kita semua hidup dalam harmoni jika di sekeliling kita dipenuhi dengan orang yang toksik, sering mencarut, kurang ajar dalam percakapan sehingga boleh merosakkan rasa hormat dan bangga akan bangsa dan bahasa kita? Inilah yang sepatutnya kita perbaiki dalam kehidupan kita sehari-hari, belajar untuk menghormati orang lain jika kita mahu orang lain menghormati kita juga.

Perlu kita sedari bahawa setiap ungkapan bait-bait percakapan yang dilontarkan boleh mewakili maksud yang tersirat. Oleh itu, agar tidak timbulnya persengketaan disebabkan tutur kata yang salah yang boleh menyinggung perasaan orang lain maka berhati-hatilah berkata. Sebab jika salah cakap akan boleh menimbulkan konflik, bak kata orang 'sebab mulut badan binasa'. Kata-kata yang mengandungi konflik dan keluar daripada mulut akan mewujudkan sengketa. Oleh itu semua pihak perlu memainkan peranan untuk menangani konflik dalam masyarakat dengan membimbing kesantunan bangsanya, sama ada pada bahasa atau pun tingkah laku.

Kita sedar bahawa norma hidup yang semakin berubah dengan kepesatan dan berkembangnya dunia digital menjadikan penggunaan bahasa semakin tidak terkawal dan secara tidak langsung menjadi api dalam sekam yang semakin merosakkan budaya peradaban bangsa. Ketinggian nilai budi bahasa seolah-olah semakin menghilang kerana semakin pesat kemajuan maka semakin hilanglah adab sopan yang selama ini menjadi tunjangan bangsanya.

Justeru, bagi memartabatkan bahasa dan identiti bangsa kita, marilah kita semua menunjukkan kualiti kita sebagai orang Brunei yang diasuh dan diajar sejak kecil lagi tentang sikap berbahasa, berbangsa yang sekali gus menaikkan imej kita di mata dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai kesantunan yang tinggi pada bahasa dan pekerti. Bercajak dengan bahasa yang lembut, perilaku yang baik akan menjadikan kita dihormati dan *digalati*.

Oleh itu, ingatlah walau di mana awda berada, jagalah bahasa kita, kelakuan kita kerana daripada sana akan dapat menunjukkan perilaku dan sikap kita sendiri.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دريتيکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرين ت قلس سندیين برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja (atas dan kanan).

>> Muka 2

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji



Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja.

>> Muka 4



BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai.

>> Muka 3

Majlis Persantapan Diraja dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji

Awang Abdul Aziz bin Juned. Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri dan Manteri-manteri Pedalaman dan

para Perwakilan Asing ke negara ini juga pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Majlis Persantapan Diraja tersebut juga diserikan dengan alunan lagu dan muzik

pancaragam dipersembahkan oleh Angkatan Pancaragam Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei serta gabungan daripada Kementerian

yang Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simfoni Belia Brunei dan Kumpulan Muzik Belia Sireh.

>> Muka 5



ANTARA yang berangkat ke majlis berkenaan ialah cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas kanan), manakala gambar atas kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut terdiri daripada Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan isteri masing-masing.



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan isteri masing-masing menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kiri sekali).

DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri).



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja ke Majlis Persantapan Diraja (atas dan atas kanan). Manakala gambar kanan, bawah kanan dan bawah, Majlis Persantapan Diraja merupakan peluang bagi para jemputan dalam negara sendiri untuk mengeratkan silaturahim di antara satu sama yang lain dalam sama-sama hadir, seterusnya memeriahkan majlis berkenaan.



>> Muka 4

Pada akhir Majlis Persantapan Diraja diserikan lagi dengan Persembahan Bunga Api yang berwarna-warni.

Majlis Persantapan Diraja bukan sahaja memberi kesempatan kepada para tetamu khas negara bersua muka dan

beramah mesra bersama raja yang kita kasihi serta kerabat diraja yang lain, bahkan ia merupakan peluang bagi para jemputan dalam negara sendiri untuk mengeratkan silaturahim di antara satu sama yang lain dalam sama-sama hadir, seterusnya memeriahkan majlis berkenaan.



MAJLIS Persantapan Diraja tersebut juga diserikan dengan alunan lagu dan muzik pancaragam yang dipersembahkan oleh Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei serta gabungan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simfoni Belia Brunei dan Kumpulan Muzik Belia Sireh (bawah), manakala gambar kiri, Persembahan Bunga Api yang berwarna-warni.



DPMM FC BERPESTA GOL

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan. Juga berangkat anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

JERUDONG, Ahad, 27 Julai. - DPMM FC terus mempamerkan dominasi dalam kancah Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) apabila membelasah Muaz

FT dengan jaringan 10-0 dalam perlawanan yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, petang tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Turut menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, selaku Ketua Pasukan.

Perlawanan dimulakan dengan aksi seimbang, namun DPMM FC mula mencipta kelebihan pada minit ke-35 melalui jaringan Muhammad Akmal Rizal bin Muhammad Abu Bakar.

Hanya seminit selepas itu, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim menambah jaringan kedua pasukan.

Menjelang akhir babak pertama, DPMM FC memanfaatkan masa tambahan dengan dua lagi gol masing-masing dijaringkan oleh Muhammad Akmal Rizal pada minit ke-41 dan Awangku Faris Fadillah bin Pengiran Saiful Bahari pada minit ke-42, menjadikan kedudukan 4-0 sebelum rehat.

Babak kedua menyaksikan DPMM FC terus menggandakan asakan. Gol kelima hadir pada minit ke-48 menerusi sepakan Awangku Amirul Umar bin Pengiran Saiful Rizal, diikuti hatrik Muhammad Akmal Rizal pada minit ke-65.

Dua minit kemudian, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim menjaringkan gol ketujuh melalui sepakan penalti, disusuli gol kelapan oleh Muhammad Akmal Rizal pada minit ke-68.

Gol kesembilan dijaringkan oleh Mohammad Haikal Ridzwan bin Mohammad Aliuddin pada minit ke-72, manakala jaringan penutup pada minit ke-95 disumbangkan oleh Muhammad Hafiy Hakim bin Azizan, melengkapkan kemenangan

bergaya 10-0.

Dalam perlawanan lain hari ini, PKT FT seri 0-0 dengan Shada FT; Indera SC menewaskan Dagang FT 4-0; dan Panchor Murai FC seri 3-3 dengan BSRC Football.

Perlawanan seterusnya dijadualkan berlangsung pada 29 Julai di Padang Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, menyaksikan pertemuan antara Dash Football Academy dan PIP.



ANAKANDA Duli Yang Teramat Mulia, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim turut menyertai DPMM FC selaku Ketua Pasukan (atas). Manakala gambar bawah, aksi sengit semasa berlangsungnya perlawanan berkenaan.



ANTARA penonton yang hadir menyaksikan perlawanan tersebut.

Perjumpaan perkukuhkan hubungan dua hala NBD, EU

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Pengarah Urusan bagi Asia dan Pasifik di Perkhidmatan Tindakan Luar Eropah (European External Action Service - EEAS), Delegasi Kesatuan Eropah (EU) ke Indonesia dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Ms. Paola Pampaloni, yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Rombongan turut disertai oleh Duta Besar Kesatuan Eropah ke Indonesia dan NBD, Tuan Yang Terutama Denis Chaibi; Ketua Bahagian Asia Tenggara dan ASEAN di EEAS, Ms. Leila Fernández-Stembridge dan Timbalan Ketua Bahagian Asia Tenggara dan ASEAN di EEAS, Ms. Simona Popan.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Datin Paduka

Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah serta Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Haji Ibrahim dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Perjumpaan ini merupakan sebahagian daripada usaha bersama untuk memperkukuh hubungan dua hala antara NBD dan EU, sejajar dengan peranan negara selaku Penyelaras ASEAN bagi EU.

Perbincangan menumpukan kepada perkembangan Perjanjian Kerjasama (Partnership and Cooperation Agreement - PCA) antara kedua-dua pihak, khususnya dalam meneruskan dialog dan menggalakkan kerjasama dalam bidang-bidang yang menjadi keutamaan bersama.

Kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa, termasuk isu-isu membimbangkan yang menjadi keprihatinan bersama, kepentingan memelihara



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Pengarah Urusan bagi Asia dan Pasifik di Perkhidmatan Tindakan Luar Eropah (European External Action Service - EEAS), Delegasi Kesatuan Eropah (EU) ke Indonesia dan Negara Brunei Darussalam, Ms. Paola Pampaloni.

keamanan dan kemakmuran sejagat serta komitmen terhadap sistem multilateralisme.

Perbincangan juga menyentuh usaha dalam mengukuhkan kerjasama perdagangan dan

memupuk keterangkuman serta perpaduan dalam menghadapi cabaran global masa kini.

TINJAUAN PERSEDIAAN BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

KIARONG, Ahad, 27 Julai. - Majlis Kesyukuran Senegara sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam akan diadakan pada Isnin (malam Selasa) 4 Safar 1447 Hijrah bersamaan 28 Julai 2025 Masihi bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Bagi memastikan kelancaran majlis, Jawatankuasa Kerja Acara Keagamaan membuat tinjauan persediaan bagi acara tersebut di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, petang tadi.

Hadir semasa tinjauan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa membuat tinjauan bagi Majlis Kesyukuran Senegara berkenaan (atas dan atas kiri).

Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Selain tumpuan utama di Jame'

'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, tumpuan bagi acara keagamaan ini juga akan diadakan di masjid-masjid seluruh negara iaitu bagi Daerah Belait, masjid tumpuan ialah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Manakala bagi Daerah Tutong, masjid tumpuan ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan di Daerah Temburong, masjid tumpuan ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Sehubungan itu, marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat dan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam.

Jumlah perdagangan Mei 2025 catat BND1,803.5 juta

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Jumlah perdagangan bagi bulan Mei 2025 adalah sebanyak BND1,803.5 juta yang terdiri daripada eksport berjumlah BND1,027.9 juta dan import berjumlah BND775.6 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah Bahan Api Galian sebanyak 70.9 peratus, diikuti oleh Bahan Kimia sebanyak 26.1 peratus, dan Barang-barang Keluaran Kilang sebanyak 1.0 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Republik Rakyat China sebanyak 19.4 peratus, diikuti oleh Australia dan Republik Korea masing-masing sebanyak 17.1 peratus dan 10.9 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah Bahan Api Galian dan Bahan Kimia.

Manakala import pada bulan Mei 2025 bernilai BND775.6 juta. Tiga komoditi import utama adalah Bahan Api Galian, menyumbang

sebanyak 68.9 peratus, diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan sebanyak 9.7 peratus dan Makanan sebanyak 8.0 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 39.6 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China sebanyak 6.8 peratus dan Australia sebanyak 4.9 peratus.

Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah Bahan Api Galian, Makanan dan juga Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan. Berbanding April 2025, jumlah perdagangan menurun sebanyak 7.0 peratus pada bulan Mei 2025 disebabkan oleh penurunan eksport sebanyak 11.9 peratus.


Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemprosesan Barangan Perantara sebanyak 58.1 peratus, diikuti oleh Barangan Modal bagi operasi perniagaan sebanyak 38.7 peratus, dan Barangan Penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 3.2 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi bulan Mei 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.


Website: deps.mofe.gov.bn
Email: info.statistics@jpes.gov.bn
Instagram: [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)

INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE STATISTICS MAY 2025


BND Million



Share of Exports by Trading Partners



Main Exports by Commodity



Main Imports by Commodity



MUZIKAL TEATER EKSKLUSIF SEMARAKKAN PENTAS PERAYAAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan), manakala gambar atas, antara adegan yang dipaparkan pada persembahan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Bagi memeriahkan dan menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, Kencana Laila Entertainment mengadakan Persembahan Muzikal Teater Eksklusif di pentas perayaan berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja, baru-baru ini. Hadir selaku tetamu kehormat



majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat. Majlis dimulakan dengan nyanyian 'Lagu Puja Usia' daripada artis tempatan. Antara pengisian persembahan ialah tarian, nyanyian dan lakonan dalam naratif berunsurkan

kebudayaan Brunei yang kaya dengan warisan dan nilai-nilai tradisi. Persembahan tersebut melambangkan kecintaan dan penghargaan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semua pihak berbesar hati untuk sama-sama menyemarakkan sambutan ini dengan persembahan daripada artis-artis tempatan yang penuh berbakat. Acara tersebut diakhiri dengan kuiz penonton.

Bicara Sejarah : Kupas dinamika sejarah melalui pengkajian linguistik Melayu

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (penBORNEO) petang tadi mengadakan Program Bicara Sejarah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, bertempat di Dewan Jawatan Dalam, pusat berkenaan.

Program yang membawa tema 'Cerminkan Dinamika Sejarah Melalui Pengkajian Linguistik Melayu' itu antara lain bertujuan meneguhkan perspektif sejarah melalui penggunaan bahasa dalam titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya sepanjang 41 tahun

pemerintahan baginda dari tahun 1984 hingga kini.

Objektif program antara lain adalah untuk menyokong dan menjunjung titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai panduan dan arah tuju dalam pembangunan negara; mengongsikan dapatan kajian linguistik berkaitan titah diraja dan bahasa dalam perspektif sejarah negara; dan memasyarakatkan kepentingan titah diraja sebagai sumber autoriti tertinggi dalam konteks sejarah dan linguistik.

Selain itu, ia juga menyemai semangat cintakan negara melalui pemahaman terhadap bahasa dan identiti bangsa; meningkatkan kesedaran sejarah dalam kalangan generasi muda; dan menarik minat penyelidik untuk terus mengkaji peranan bahasa dalam sejarah negara.

Kertas kerja utama bertajuk 'Suara Kedaulatan: Bahasa, Kuasa dan Identiti dalam Titah Hari Kebangsaan

PEMANGKU Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Program Bicara Sejarah.

Negara Brunei Darussalam (1984-2025)' telah disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Muhammad Najib bin Noorashid.

Dalam pembentangannya, beliau menekankan peranan bahasa sebagai medium komunikasi yang membentuk naratif, identiti dan legitimasi politik negara.

Beliau turut menjelaskan bagaimana penggunaan bahasa Melayu (Brunei) dalam titah diraja telah memainkan peranan penting dalam mengekalkan nilai-nilai kebangsaan serta memelihara warisan budaya.

Kajian beliau membuktikan bahawa penggunaan bahasa dalam titah diraja menyumbang kepada pembinaan identiti negara berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Program berkenaan menampilkan Pegawai Arkib Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), PSB, Pengiran Dr. Amal Bazilah binti Pengiran Abdul Mobeen selaku moderator.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Turut hadir, Pengetua PSB, Dr.

KERTAS kerja utama disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Muhammad Najib bin Noorashid (kanan), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; pegawai-pegawai kanan kerajaan; para penyelidik serta pensyarah dan mahasiswa-mahasiswi dari institusi pengajian tinggi.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti bacaan Surah

Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Penyelidik dan Penterjemah Khas (Bahasa Arab), Pengiran Ahmad Hasanuddin bin Pengiran Haji Tejudin.

Program diakhiri dengan penyampaian cenderamata dan Sijil Penghargaan serta sesi bergambar ramai.



SEMBAH KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Semua tetamu yang hadir tersenyum ceria setelah berpeluang bertemu raja sanjungan rakyat, menciptakan suasana penuh kegembiraan pada Majlis Persantapan Diraja sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pengiran Muhd. Nasiruddin bin Pengiran Haji Abu Bakar menyembahkan ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-79 Tahun Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

PENGIRAN Muhd. Nasiruddin bin Pengiran Haji Abu Bakar bersama isteri beliau.

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau seterusnya memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sementara itu, Konsultan Mikrobiologi Klinikal dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Terrence Rohan Chinniah yang berasal dari Sri Lanka menjelaskan rasa gembiranya kerana buat pertama kalinya setelah menetap di NBD selama 14 tahun, beliau dijemput untuk menghadiri Majlis Persantapan Diraja berkenaan.

Di kesempatan itu, beliau juga ingin menyembahkan ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-79 Tahun Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan semoga baginda diberikan kesihatan yang berpanjangan dan dilanjutkan usia.



DR. Terrence Rohan Chinniah (kiri) dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong (kanan).

Manakala, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong semasa ditemu bual turut menyembahkan ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-79 Tahun

Kehadapan Majlis Kebawah DYMM.

Yang Berhormat Ahli MMN seterusnya memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar baginda sentiasa diberikan kesihatan yang berpanjangan dan kekal karar memerintah negara.

Tazkirah Subuh serikan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat



PROGRAM Masjidku Makmur, Negara Berkat diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah seterusnya bacaan wirid dan kemudiannya Tazkirah Subuh.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Julai. - Keistimewaan yang paling unik bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah institusi beraja dan inilah istimewanya negara kita yang berpegang dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), malah ia sudah menjadi ristaan yang unik jika kita soroti pemerintahan beraja ini.

Raja adalah umpama payung, tempat rakyat bernaung dan berlindung. Raja merupakan pemerintah, ketua negara yang memegang tampuk kerajaan yang akan menentukan hala tuju sesebuah negara.

Sistem pemerintahan beraja telah wujud sekian lama di negara ini di mana raja akan menjadi kepala negara yang memegang tampuk pemerintahan negara, kedudukannya inilah yang perlu dihormati dan ditaati. Baginda adalah raja dalam makna Ulil Amri dalam berkerajaan dan bernegara.

Perkara tersebut antara lain inti pati Tazkirah Subuh tadi bertajuk 'Kepimpinan Raja, Aspirasi Negara' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, hari ini.

Alhamdulillah, Awang Mohammad Muslihuddin Syah menerangkan, kita di NBD ini, rakyat jelata dan penduduk yang berlindung di bawah naungan bumi Darussalam yang kita cintai terus menikmati nikmat kehidupan yang aman dan sentosa serta harmoni di bawah kepimpinan raja dan pemerintah yang adil laila bijaksana, yang kita kasihi iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung mahkota baginda, sudah sepatutnya kita bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang bijaksana, pengasih dan pemedulian. Kita zahirkan kesyukuran itu dengan menumpahkan kasih dan taat setia yang tidak berbelah bahagia kepada baginda.

"Kita diwajibkan mentaati baginda sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala mengenai perintah taat kepada Allah dan Rasul dan kepada Ulil Amri iaitu para pemimpin termasuklah raja yang memerintah," ujarnya.

Tanggjawab memimpin negara, tambahnya, bukanlah suatu tugas yang mudah dan ringan, tetapi tugas yang amat berat yang tidak dapat dipikul dan dijalankan secara bersendirian. Ia memerlukan kepada sokongan dan dukungan daripada semua pihak khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

"Dalam mengorak langkah ke menuju Wawasan Brunei 2035, sudah pasti kesepaduan antara kepimpinan kerajaan dan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam mencapai aspirasi negara, Whole of Nation Approach itulah wadah utamanya," tegasnya lagi.

Terdahulu, program dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah seterusnya bacaan wirid dan kemudiannya Tazkirah Subuh.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat diunkayahkan dengan tujuan untuk mengajak orang ramai bersama-sama hadir bagi memakmurkan masjid secara istiqamah (berterusan) dalam menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di awal waktu kerana sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara persendirian.

Selain itu, program tersebut juga memberi peluang dan kemudahan kepada orang ramai meraih keberkatan dengan hadir ke masjid untuk menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang, sebelum memulakan langkah dengan keceriaan seharian.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'. Tarikh Tutup : 30 Julai 2025
- 2.'Isu Pengangguran, Keperluan Penyesuaian Kurikulum'. Tarikh Tutup : 6 Ogos 2025
- 3.'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

سردک سروي

لیندوغي ديري درفد فپاکیت عین

جماعه یغ درحمی الله،

برتقوی له کیت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دَعْن مَنِيغَكْتَن كِلَامَان كَفْدَن.
سسوگوهن اورغ یغ فالیغ ملیا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ یغ فالیغ
برتقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغتی الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله کجیان دان کسلامن ددنیا دان جوک داخیره.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سورة القلم آیه ۵۱:

تفسیرن:

دان سسوگوهن اورغ-اورغ یغ کافر ایت همغیر-همغیر
مغکلینجورکن مو (مبیناسکن مو) دغن فنداغن مریک (یغ فنوه دغن
فرموسهن دان کبنجن) کیک مریک مندغر القرآن (یغ اغکاو باجکن ایت)
سمیل مریک برکات: "سسوگوهن دي ایاله اورغ کیلا."

جماعه یغ درحمی الله،

برداسرکن آیه ترسبوت منوجوفکن بهاوا فنداغن مات بولیه ممباوا
کمضرتن کفد سساورغ. اینله یغ دناماکن سباکای فپاکیت عین.

فپاکیت عین دالم اسلام اداله فپاکیت یغ دسیبکن اولیه فنداغن مات یغ
دسرتای فراسان ایری هاتی اتاو کاکوم یغ برلیهن. ای بولیه مبری کسن
بوروق کفد اورغ یغ دغندغن، ترماسوق قد توپوه، حیوا، اتاو بندا. ای بولیه
ترجادی سام اد دري اورغ یغ دغکی اتاو اورغ یغ دسوکای، دري اورغ یغ
جاحت اتاو اورغ یغ بایک.

فپاکیت عین بولیه برلاکو اقبیل سساورغ مندغ دغن فراسان ایری
هاتی، فراسان تیدق سنغ ملیهت اورغ لاین مندافت نعمت، دان ایغن اکر
نعمت ایت هیلغ دري مریک، جوتوهن ساورغ جیون ملیهت جیون مبللی
کریتا بهارو، لالو هاتین مراسا ماره اتاو کجیوا کران دي تیدق ممقو میلیقین.
فنداغن سقرتی این جک دسرتای دغن فراسان جاحت دان تیدق دایریغی دغن
دعاء کبایکن، بولیه مپیکن مضرة ملالو دي مات.

ماناکلا ککاکومن یغ تیدق دایریغی دغن دعاء کبایکن اداله بنتوق عین
یغ لبیه هالوس دان تیدق دسغاجکن. ای بولیه برلاکو والوفون تنفا حسد،
جوتوهن سساورغ یغ موجی اقبیل ملیهت کائف-کائف یغ ساغت جومیل اتاو
بیجق تنفا مپرتاکن دغن فوجیان کفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اتاو تنفا مندعاءکن
کیرکن. والوفون تیدق اد فراسان ایری هاتی، فنداغن این ماسیه بولیه مپیکن
کسن عین، کران کفوتان فنداغن مات مانسی ایت اداله حقیقه یغ داکوی
اولیه شریعه.

سلاين ایت، فراسان عجوب یلیت برلیهن دالم موجی ديري سنديري

دان سوک ممفامیرکن کلبیهن ديري جوک بولیه مپیکن سساورغ موده ترکانا
فپاکیت عین.

جماعه یغ درحمی الله،

ادافون جارا اونتوق مناغنی فپاکیت عین این، اقبیل موجی سساورغ یغ
دکاکومی هندقله دسرتای دغن مپیوت نام الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ترلییه دهولو. سنة
موجی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ترلییه دهولو سبلوم موجی مخلوق. این اداله ادب یغ
دأجرکن اولیه رسول الله ﷺ اونتوق منجکه ترجادین عین، درفد
غایر بن ربیعه رَحْمَةُ اللهِ عَلَيْهِ: رسول الله ﷺ برسیدا: إِذَا رَأَى أَحَدَكُمْ
مِنْ نَفْسِهِ أَوْ مَالِهِ أَوْ أَخِيهِ مَا يُغْجِبُهُ فَلْيَدْعُ لَهُ بِالْبِرَّةِ، فَإِنَّ الْغَيْرَ حَقٌّ.

مقصودن:

جک سساورغ ملیهت سسواتو قد ديري، هرتا، اتاو سوداران یغ ممبواتن
کاکوم، ای هاروس مغوجکن "بَارَكَ اللهُ" (سموک الله مبرکتین) کران عین
ایت بر اد. {حدیث روایة إمام أحمد}

حدیث این مغاجرکن کیت اونتوق مندعاءکن کیرکن باکی اورغ یغ
کیت کاکومی اکر ترهیندر دري مضرة فپاکیت عین. اولیه ایت، فوجین دان
ککاکومن هندقله دایریغی دغن مپاندارکن نعمت کفد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى سقرتی
ماشاء الله، الحمد لله دان سآومشامان، دان بوکن سمات-مات قد مخلوق.

جماعه یغ درحمی الله،

انتارا فپاکیت یغ بولیه ترجادی دسیبکن اولیه فنداغن مات ایاله سقرتی
فپاکیت کولیت، کلنیهن یغ برقنجاغن، ساکیت کفالا، کفکوان تیدور اتاو
میمقی بوروق، ککجاغن تراوتام قد آق دامیت، مراسا لمه دان برت دسلوروه
بادن اتاو بهاکین ترتتو، مراسا جمس اتاو ترتکان، فراسان جمس یغ تیبا-تیبا،
کورغ سماغت دان سباکاین.

ادفون جارا اونتوق ملیندوغي ديري درفد فپاکیت عین ایاله دغن باقی
بردکر، استغفر، بردعاء دان تَعَوَّذَ (باجان فرلیندوغن). انتارا دعاء یغ دأجرکن
اولیه نبی ﷺ باکی فرلیندوغن درفد فپاکیت عین ایت ایاله:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ، مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَةٍ، وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَأَمَةٍ

أرتین:

اکو برلیندوغ دغن کلمه-کلمه الله یغ سمقورنا دري سکل شیطان،
بیناتغ یغ بریسا دان فنداغن مات یغ جاحت.

سلاين ایت، کیت جوک بولیه مغعمالکن ذکر این سباکای فندیندیغ
درفد فپاکیت عین سرتا مصیبه لاین، یلیت:

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

أرتین: اکو برلیندوغ دغن کلمه الله یغ سمقورنا دري سکل کجاهن مخلوقن.

ذکر این جوک بولیه کیت عملکن، یلیت:

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

أرتین: دغن نام الله یغ بیلا دسبوت، سکل سسواتو دبو می دان دلاغیت تیدق
اکن بریهای، دیاله یغ مها مندغر لاکي مها معتهوی.

رسول الله ﷺ جوک مغجورکن راوتن رُقْبِهِ (فروپن اسلام)
اونتوق مغوباتی فپاکیت عین. درفد اُم سلامه رَحْمَةُ اللهِ عَلَيْهَا سسوگوهن رسول الله
ﷺ ملیهت انق فرمقوان اُم سلامه رَحْمَةُ اللهِ عَلَيْهَا یغ ماسیه کجیل دان
کولیت وجهن جندروغ مغهیتم. کمودین، نبی ﷺ برسیدا: اسْتَرْقُوا
فَهَا، فَإِنَّهَا النَّظَرَةُ.

مقصودن:

میتاکنله رُقْبِهِ اونتوقن کران دي ترکانا نَظَرَةُ (فپاکیت عین). {حدیث
روایة إمام بخاری}

جماعه یغ درحمی الله،

باکی ملیندوغي دان مغهیندری ديري کیت دري ترکانا فپاکیت عین
این، هیندریله ديري کیت دري منوجوق-نوجوق سجارا برلیهن تراوتام دمدا
سوسیال. کیت جوک هندقله منجاک ديري دري صفة حسد، عجوب دان راس
کاکوم یغ برلیهن. سنتیاسله ایغت اکن کاکوغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کیک ملیهت
کلبیهن سساورغ. عملکنله سورة الفلق اکر ترهیندر درفد اورغ یغ حسد دان
دغکی. موده-مودهن کیت سموا دجاوهکن دري ترکانا فپاکیت عین دان
دجاوهکن دري مضرة فپاکیت-فپاکیت یغ لاین، آمین یا رَبَّ الْعَالَمین.

تفسیرن:

کاتاکنله (واهای نبی محمد): "اکو برلیندوغ قد توهن یغ مغواسای
صبح." "درفد کجاهن مخلوق-مخلوق یغ دي جیفتاکن." "دان درفد کجاهن
مالم اقبیل تله کلف کلینا." "دان درفد کجاهن توکغ-توکغ سیرج یغ
مغمبوس-همبوس قد سیمقون-سیمقون." "دان درفد کجاهن اورغ یغ
دغکی اقبیل دي دغکی." {سورة الفلق آیه: ۱-۵}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا
تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِاتِّجَاعِ
التَّائِبِينَ.

PERADUAN LUKISAN POTRET PUPUK SEMANGAT PATRIOTISME



Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) telah menganjurkan Peraduan Lukisan Potret sebagai tanda penghargaan dan semangat patriotik dalam kalangan warga pelajar.

Peraduan dibuka kepada semua pelajar Pra-U Enam Atas dan Enam Bawah dan telah berlangsung selama sebulan, dengan menerima penyertaan yang menggalakkan daripada pelajar pelbagai jurusan. Inisiatif tersebut diungkuhkan oleh Jabatan Art & Design, dengan sokongan daripada Unit Perpustakaan PTES serta Rumah Sukan Seri Indera.

Objektif pertandingan berkenaan adalah untuk memupuk semangat patriotisme serta menzahirkan penghargaan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Pusat

DAYANG Aina Adrianna binti Arifteen diumumkan sebagai pemenang utama pertandingan berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, antara hasil karya para pelajar yang menyertai pertandingan.

seni lukis. Selain itu, pertandingan ini menyediakan platform kepada penuntut untuk menonjolkan kebolehan mereka dalam seni potret, sekali gus memupuk persekitaran sekolah yang kreatif dan kaya dengan nilai budaya, serta memperkukuhkan peranan perpustakaan sekolah sebagai pusat ekspresi seni dan budaya.

Dayang Aina Adrianna binti Arifteen telah diumumkan sebagai pemenang utama pertandingan ini menerusi hasil karya bertajuk 'Kebesaran & Kedaulatan', yang mempamerkan gabungan antara kehalusan teknik potret dan penghayatan mendalam terhadap simbol kedaulatan raja dan negara. Menurut Dayang Aina Adrianna, lebih kurang 50 jam telah diluangkan untuk menghasilkan karya tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Tingkatan Enam Sengkurong



Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Penghargaan telah disempurnakan oleh Pengetua PTES, Dayang Tutty Hymneita binti Haji Abdul Latip pada 17 Julai 2025. Majlis turut dimeriahkan dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang


Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Penganjuran program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai platform pembinaan jati diri pelajar melalui ekspresi seni dan kecintaan terhadap negara.

جانبان فرانكفون ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGUSAHA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

 **PenggunaBijak**



Available on the App Store | Get it on Google play

Dorongan untuk Muslimah masjid lebih produktif, berdikari

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TANAH JAMBU, Sabtu, 26 Julai. - Seramai 20 peserta daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid di keempat-empat daerah menyertai Kelas Kemahiran Membuat Kek Roll dan Kek Cawan

bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Para peserta merupakan wakil

ANTARA peserta yang menyertai Kelas Kemahiran Membuat Kek Roll dan Kek Cawan bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid.

dari lima buah masjid iaitu Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau; Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Daerah Tutong; Masjid Kampung Sungai Liang, Daerah Belait serta Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

Kelas tersebut merupakan inisiatif Bahagian Hal Ehwah Muslimah, Jabatan Hal Ehwah Masjid (JHEM) dengan kerjasama PPB.

Ia dikendalikan melalui tiga sesi. Sesi pertama yang telah diadakan pada minggu lalu memberi tumpuan kepada pembuatan roti canai dan tumpi. Sementara itu,

Ambil inisiatif pembersihan demi keselamatan penduduk



KERJA-kerja pemotongan pokok dan pembersihan dahan-dahan di kawasan simpang Jalan Parak susulan aduan penduduk mengenai kesukaran untuk melihat kenderaan dari arah jalan utama (tengah) ketika keluar dari simpang berkenaan.

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan
Kampung Panaga 'A'

BELAIT, Sabtu, 26 Julai. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Panaga 'A' telah melaksanakan kerja-kerja pemotongan pokok dan pembersihan dahan-dahan di kawasan simpang Jalan Parak susulan aduan penduduk mengenai kesukaran untuk melihat kenderaan dari arah jalan utama (tengah) ketika keluar dari simpang berkenaan.

Menurut Ketua Kampung Perumahan Negara Panaga Kawasan 'A', Awang Muhammad Nurzairie bin Abdullah Peter, inisiatif tersebut merupakan hasil usaha bersama beliau dan Ahli-ahli MPK sebagai tindakan segera tanpa menunggu sebarang pelan rasmi, demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk kampung terus terpelihara.

Beliau turut menekankan bahawa semangat tanggungjawab dan keprihatinan terhadap persekitaran kampung harus sentiasa dipupuk dalam kalangan masyarakat. Beliau juga menyeru agar mana-mana penduduk kampung tidak teragak-agak untuk mengambil inisiatif secara sukarela, khususnya dalam hal-hal melibatkan keselamatan dan kebersihan.

Selain itu, beliau turut berharap agar jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dapat melaksanakan pemantauan berterusan terhadap kawasan-kawasan yang memerlukan perhatian agar tindakan segera dapat diambil bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

sesi kedua kali ini memfokuskan kepada teknik menghasilkan kek gulung (roll) dan kek cawan.

Kelas seumpama ini diharap dapat menjadi platform yang berkesan dalam menyampaikan ilmu kemahiran kepada Muslimah masjid dan masyarakat umum

serta mendorong mereka untuk lebih berdikari dan produktif dalam kehidupan seharian.

Turut hadir dalam kelas berkenaan ialah Ketua Bahagian Hal Ehwah Muslimah, JHEM, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

DEDAHKAN MURID DENGAN KEUNIKAN BUDAYA, TRADISI BRUNEI



ANTARA murid dari Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) yang menghadiri Majlis Sambutan Hari Kebudayaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Seramai 522 murid dari Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) menghadiri Majlis Sambutan Hari Kebudayaan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB merangkap Pegawai Kewangan Kanan YSHHB, Dayang Siti Afshah binti Abu Bakar.

Turut serta, Pengetua dan Penolong Pengetua TASKA YSHHB, guru-guru, pembantu guru serta kakitangan TASKA.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama Latihan mengajar dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Mohammad Syafiq bin Mohammad Suhardie diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu

Sekolah 'Long Live SYSHHB'.

Antara aktiviti diadakan ialah termasuk tayangan video suntingan sempena Hari Keputeraan; demonstrasi alat muzik tradisional oleh mahasiswa KUPU SB; Pertunjukan Fesyen Pakaian Beragam oleh murid-murid Taman Asuhan 1, 2 dan 3; Persembahan Lagu 'O Kanak-Kanak' oleh Taman Asuhan 2 dan perarakan pakaian beragam dan kereta berhias daripada semua peringkat TASKA.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan sesi



■ Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

bergambar ramai.

Adapun objektif utama majlis ini ialah memberikan pendedahan awal kepada murid mengenai budaya dan tradisi Brunei, selain itu memupuk semangat patriotisme

dan kebanggaan terhadap warisan budaya negara dan menyokong Kempen 'Kenali Negara Kitani' dengan memperkenalkan elemen budaya kepada generasi muda.

NBD berada dalam monsun Barat Daya

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini masih berada di dalam monsun Barat Daya. Pembentukan ribut tropika yang aktif di rantau Lautan Pasifik Barat masih dijangka berlaku pada minggu ini. Keadaan ini masih dijangka akan menyebabkan keadaan cuaca yang lebih kering, dengan pengurangan pembentukan awan hujan di rantau negara kita bagi beberapa hari yang akan datang.

Kebelakangan ini, NBD telah mengalami Cuaca Panas Melampau (EHW) pada waktu siang bagi beberapa kawasan, di mana suhu maksimum harian yang telah direkodkan di beberapa stesen pencerapan cuaca telah mencapai 35 darjah Celsius atau lebih selama tiga hari berturut-turut.

Berdasarkan ramalan cuaca berangka terkini, keadaan cuaca NBD diramalkan berterusan panas dan kering, dengan pengurangan jumlah dan aktiviti hujan hingga Selasa, 29 Julai 2025. Suhu maksimum harian dijangkakan boleh mencecah antara 34 darjah Celsius dan 37 darjah Celsius.

Orang ramai dinasihatkan


untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan keselamatan berkaitan dengan keadaan cuaca panas dan kering yang diramalkan berlaku.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) telah menyediakan catatan suhu maksimum harian dan juga suhu 'yang dirasakan' bagi beberapa kawasan di NBD dengan menggunakan infografik-infografik yang dikongsikan melalui media sosial BDMD untuk makluman dan rujukan orang ramai.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus mengikuti maklumat cuaca rasmi yang dikeluarkan oleh jabatan ini melalui aplikasi bimbit BruneiWX dan media-media sosial BDMD iaitu laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather, saluran WhatsApp dan Telegram kami Brunei Weather.


Selain itu, maklumat cuaca terkini boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn dan melalui aplikasi bimbit kami iaitu Brunei WX.

جانبتي كاجي چواچا بروني دارالسلام



BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

SUHU YANG DIRASAKAN FEELS LIKE TEMPERATURE



Dikira berdasarkan suhu maksimum harian yang direkodkan pada:
Calculated based on recorded daily maximum temperature on:
26/07/2025

BDMD/MSCD/WSOS/WFC/FORM/122(00-2024-08-05)



IMBASAN MINGGUAN



MURID-Murid Darjah VI Sekolah Agama Pengiran Muda Abdul Malik, Bengkurong yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

SEBAHAGIAN yang mengikuti Program Rehlah Santai bersama orang bukan Muslim dan para Mualaf Daerah Tutong sempena Sambutan 1447 semasa membuat lawatan ilmiah ke beberapa tempat bersejarah dan Islamik di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SALAH satu persembahan di Malam Irama Gulintangan - Fusion dan Temporari anjuran Kulimpapa Orchestra sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

PARA pengunjung tidak ketinggalan menyaksikan persembahan pentas perayaan kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA yang menyertai acara Walkaton Keluarga Sekampung yang telah diadakan di Kebun Tapak Pertanian, Kampung Mulaut. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN pelatih baharu melaungkan lafaz ikrar bagi mengikuti Program Jati Diri (PJD). - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.


**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
09 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pengubahsuaian Di Bilik Server, Dewan Rujukan, Tingkat 1, Di Bangunan Arkib Negara Menjadi Bilik Pendigitalan Arkib

Tarikh Tutup:
Khamis, 21 Ogos 2025.



Bilangan Sebut Harga:
10 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian Untuk Membekal, Menghantar Dan Memasang 43 Inchi Mudah Alih Dan Boleh Diputar Kios Android Skrin LED, Bangunan Arkib Negara, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 21 Ogos 2025.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / LOG / TA / 01
Pembelian Motosikal dan Trailer Motosikal Polis Tentera ABDB

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah
**Selasa, 19 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / BOL / 001
[JPPK / LTN / 07 / 2025]
To Supply And Replace Fire Alarm System At MINDEF Headquarters Bolkiah Garrison

Tarikh Mula Tawaran:
28 Julai 2025.

Kelas:
III dan ke Atas

Kategori:
KPME05, E01 dan E02

Tempoh Penyediaan Kerja:
Enam (6) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada
Jumaat, 29 Ogos 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
2 September 2025.
(Selasa)
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

1. The Supply And Delivery Mail Roller Dater

Rujukan Tawaran:
POS / T / 13 / JPP / 2025 - 2026

2. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Rujukan Tawaran:
POS / T / 14 / JPP / 2025 - 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 5 Ogos 2025.


**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T /
2025 - 2027 / 05

Tawaran Bagi "Kerja-Kerja Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Tempoh 24 Bulan (2 Tahun) Dari Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Ke Tempat Pembuangan Sampah Yang Dikhaskan Oleh Pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam"

Tarikh Tutup:
Selasa,
5 Ogos 2025.


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Pusat Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan**

Keterangan:
Expression Of Interest For The Design, Development, Migration, Deployment, Hosting, Integration, And Maintenance Of An Integrated Online Educational Resources Platform For The Ministry Of Education, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
Percuma

Tarikh Tutup:
19 Ogos 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025 - 2026 / 05

Tajuk Tawaran:
Construction, Furnishing And Dismantling Of Brunei Darussalam Pavilion And Other Logistics For Taipei International Travel Fair, 7 - 10 November 2025, Taipei, Taiwan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 11 /
2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Glass Door Replacement Works, Fire Hose Louvered Door Repairworks, And New Tiles Replacement Works To Ground Floor Male And Female Toilet At Bangunan Baru Jabatan Daerah Tutong.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
11 Ogos 2025.


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dalam
Kategori dan Kelas Terbuka**

Tarikh Buka Sebut Harga:
Rabu,
23 Julai 2025.

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran pada:**
Isnin,
4 Ogos 2025.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 5 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025 - 04.01

Tajuk Projek:
Term Contract [24 Months] For Grass Cutting And Cutting Trees Works To Compound Area Under Ministry Of Home Affairs, Negara Brunei Darussalam. - Retender

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / 2106 - 04.01

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan Semula)


**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.07 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Buku Kupon

Prabayar Letak Kereta Jabatan Bandaran, Kuala Belait dan Seria Bagi Jabatan Perbendaharaan

Tarikh Tutup / Jam:
2 Ogos 2025.
Sabtu.
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,

Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam





JPt / SH / 37 / 2025-2026:
Kerja-Kerja Memotong Rumpot Dan Membersih Kawasan Bangunan Bengkel Wasan Dan Stor, Banglo Wasan (Pejabat), Barek Blok 'G' Dan Jalan Masuk, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 38 / 2025-2026:
Perkhidmatan Mengangkat Dan Membuang Sampah Bagi Bangunan-Bangunan Dan Stesen-Stesen Di Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Selama Tiga (03) Tahun

JPt / SH / 39 / 2025-2026:
Pump Operation Services At Imang Dam Irrigation Station, Kg Panchor Murai, Brunei Muara District For One (1) Year

JPt / SH / 40 / 2025-2026:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Ke Atas Paip-Paip Utama Dan Pembahagian Pengairan Di Kawasan Kemajuan Pertanian Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 41 / 2025-2026:
Drafting Services For Preparation Of Standard Design And Build Tender Documentation Of Infrastructure Works

JPt / SH / 42 / 2025-2026:
Supply, Installation And Replacement Of Fencing At Unit Penyelidikan Padi Wasan Office, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Brunei Muara



District

JPt / SH / 43 / 2025-2026:
Kerja-Kerja Memotong Rumpot Dan Membersih Kawasan Pejabat, Perumahan Dan Jalan Ladang KKP Tungku, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 44 / 2025-2026:
Melaksanakan Penyelenggaraan Peralatan Bagi Makmal Veterinar

JPt / SH / 45 / 2025-2026:
Supply And Delivery Of Standards For Multi-Mycotoxin Determination Using HPLC In Nutrition & Toxicology Laboratory

JPt / SH / 46 / 2025-2026:
Supply, Delivery, Install And Test Veterinary Chemistry Analyser At VLS Terunjing.

JPt / SH / 47 / 2025-2026:
Supply, Delivery And Installation Of Purified Gases Refill For Veterinary Laboratory Services For One Year.

JPt / SH / 48 / 2025-2026:
Supply, Delivery Of Laboratory Freezers And Ice Maker Machine For Veterinary Services.

Tarikh Tutup:
Khamis, 7 Ogos 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III atau IV atau V

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran Pada:
28 Julai 2025 (Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
19 Ogos 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
26 Ogos 2025 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510,



Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T015 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Luaran Bagi Istana Darul Aman Muara, Negara Brunei Darussalam Untuk Tempoh Dua (02) Tahun.

No. Projek:
JASTRE / BL / T015 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

JASTRE / BL / T016 / 2025
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Penyelenggaraan Di Bukit Kayangan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

No. Projek:
JASTRE / BL / T016 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Provide And Conduct Diving Training Course For The Staffs Of Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025.



Bilangan Tawaran:
(48) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Trees and Wild Bushes Cutting and Trimming at Hassanal Bolkiah National Sports Complex (Zone D, Zone E and Zone F)

Bilangan Tawaran:
(49) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekal dan Menghantar Cat Padang Bola Sepak bagi Penambahan Stok Pusat Stor, Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran:
(50) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Pakaian Seragam bagi Jawatan Atendan, Penjual / Pemungut Tiket, Pemeliharaan Kawasan, Penjaga Bangunan dan Pembersih. Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan Tawaran:
(51) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply and Installation of New Carpet with All Necessary Accessories at Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
7 Ogos 2025.



Bilangan Sebut Harga:
19 / JULY / 2025 / KKBS / PJK / 16.105

Tajuk Sebut Harga:
External Repainting Work To Block 1, Block 2, Block 3, Block 4 And Block 5 For Program Khidmat Bakti Negara Training Camp, Batu Apoi, Temburong.

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
29 Julai 2025. (Selasa)

Tarikh Tutup:
12 Ogos 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 024 / 2025

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.recruitment.gov.bn dan semak “**Kalendar Saya**”

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / DITU / TA / 02

Pembelian 'Uninterrupted Power Supply (UPS) And Power Conditioning System' Untuk Bangunan BDRC, Tutong Kem

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 12 Ogos 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 02

Pembelian Alat-Alat Kelengkapan Bagi Keperluan Pasukan Khas Tentera Udara Diraja Brunei (PASKTU)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 5 Ogos 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Ogos 2025.
2.00 Petang.



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 / T / IL / 001

[JPPK / LTN / 09 / 2024]
Proposed Construction Of 50 Metre Outdoor Shooting Range & Associated Works At Special Force Regiment, Penanjong Garrison

Tarikh Mula Tawaran:
21 Julai 2025

Kelas:
IV dan ke Atas

Kategori:
KA01, B01 And / Or M01, E01 E02, KPB03 dan KPB04

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Jumaat, 22 Ogos 2025**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Ogos 2025.
Jam 2.00 Petang.

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWA UGAMA

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 06 / 2025 - 2026

Keterangan:
Mencetak Ulang, Membekal dan Menghantar Buku-Buku Teks Persekolahan Ugama Darjah IV Hingga VI, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2026, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Safar 1447H /
30 Julai 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
Maintenance Service Contract – Alcatel PABX System For Department Of Civil Aviation
ATELS / 2025 / SH-25

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
23 Julai 2025, Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
5 Ogos 2025, Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
6 Ogos 2025, Rabu.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 047 / 2025

Tajuk:
Bukit Panggal Combined Cycle Power Station - Phase II (Engineering, Procurement, Construction, Installation and Commissioning, EPCIC)

Tarikh Tutup:
14 Oktober 2025.
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Harga Dokumen :
BND5,005.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Jabatan Perdana Menteri Lobi Utama,
Aras 1 Bangunan Jabatan Perdana Menteri Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam



جانب كاجي چولجا بروني دارالسلام

JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Sebut Harga bagi Perkhidmatan / Pembekalan:

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH-14
Two (2) Years Contract For Inspection And Maintenance Of Fire Alarm System For The Headquarter Of Brunei Darussalam Meteorological Department And Doppler Weather Surveillance Radar

Tarikh Tutup:
Rabu,
13 Ogos 2025.
Sebelum 9.00 Pagi

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
Tingkat 1, Blok B23, Flat Anggerek Desa, Simpang 32-37, Kampong Anggerek Desa, Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam

KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN

1. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01 - 04 / 202502026

12 Months Term Contract For Janitorial Cleaning / Housekeeping Works At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

2. Bilangan Tawaran:
KUPU SB / LTK / PE / 01 - 07 / 202502026

To Supply, Install, Testing, Commissioning Of New Air-Conditioning Units At Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Safar 1447H /
5 Ogos 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



دولت كباو دولي توان قاتيق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Persembahan Pentarama Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-79, Bagi Tahun 2025

Ke
79
Tahun



DAERAH TEMBURONG

Isnin, 3 Safar 1447 bersamaan 28 Julai 2025

Jam: 8.15 malam

Pentas Perayaan, Kawasan Dermaga,
Pekan Bangar, Temburong

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Rabu, 5 Safar 1447 bersamaan 30 Julai 2025

Jam: 8.15 malam

Pentas Perayaan, Kawasan Letak Kereta
Berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja,
Bandar Seri Begawan

DAERAH BELAIT

Sabtu, 8 Safar 1447 bersamaan 2 Ogos 2025

Jam: 8.15 malam

Pentas Perayaan, Kawasan Gerai Tudong Saji,
Kuala Belait

DAERAH TUTONG

Ahad, 9 Safar 1447 bersamaan 3 Ogos 2025

Jam: 8.15 malam

Pentas Perayaan, Kawasan Lapang Berhadapan
Hospital Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran
Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong

**Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir
menyaksikan persembahan PENTARAMA**

www.information.gov.bn | www.pelitabrunei.gov.bn



Jabatan Penerangan
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



PERTANDINGAN MENCIPTA REELS

SEMARAK HARI KEPUTERAAN



Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025



Bermula 21 Julai 2025 hingga 30 Ogos 2025

Hadiah menarik untuk dimenangi!

Pemenang

Tempat Pertama

Tempat Kedua

Tempat Ketiga

Sagu hati bagi
lima peserta


Hadiah

BND1,000

BND750

BND500

BND100



Dibukakan kepada belia berumur 12 hingga 25 tahun



Imbas kod QR



Untuk maklumat lanjut



Untuk muat turun
borang pendaftaran

63 MURID CEMERLANG TERIMA HADIAH

TUTONG, Sabtu, 26 Julai. - Seramai 63 murid dari sekolah-sekolah agama di Daerah Tutong menerima hadiah murid cemerlang pada Majlis Penyampaian Hadiah Murid Cemerlang Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Agama (SSSRU) Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan di Dewan Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Norain, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pegawai Pengajian Islam Daerah Tutong, Bahagian Sekolah Agama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Sawal.

Majlis yang diungkayahkan oleh Jawatankuasa Guru-Guru Agama Daerah Tutong ini adalah bagi meraikan dan mengiktiraf kejayaan murid-murid yang memperoleh keputusan cemerlang Gred 1 Agregat 5 dalam Peperiksaan SSSRU tahun lalu serta bagi menghargai usaha pihak sekolah yang mencapai keputusan 100 peratus lulus dalam peperiksaan berkenaan.

Ia juga sebagai pemangkin kepada murid-murid lain untuk turut berusaha mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan-peperiksaan yang bakal dihadapi di samping untuk memperkukuh hubungan antara pihak sekolah, ibu bapa dan



PEGAWAI Pengajian Islam Daerah Tutong, Bahagian Sekolah Agama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Sawal hadir selaku tetamu khas pada Majlis Penyampaian Hadiah Murid Cemerlang Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Agama (SSSRU) Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

masyarakat dalam memupuk kerjasama yang menyumbang kepada kejayaan para pelajar di sekolah-sekolah agama di Daerah Tutong.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan persembahan tausyeh dan seterusnya ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Ahli Jawatankuasa

Guru-Guru Sekolah Agama Daerah Tutong, Awang Haji Shaiful Rizal bin Haji Marsal juga selaku Pengerusi Majlis.

Acara diteruskan dengan ucapan daripada tetamu khas majlis yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada murid-murid cemerlang dan sekolah-sekolah yang diraikan.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Cubaan seludup barang tegahan tumpas

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Satu Operasi Sepadu yang dijalankan oleh Polis Marin (POLMAR) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk barang tegahan melalui perairan Brunei.

Insiden berkenaan berlaku pada 24 Julai 2025, apabila peronda POLMAR telah mengesan sebuah perahu yang dipandu oleh seorang individu bergerak laju dan dalam keadaan mencurigakan di kawasan Sungai Tanjong Cendana menuju ke perairan Kampung Sungai Bunga.

Semasa percubaan untuk memberhentikan perahu tersebut bagi tujuan pemeriksaan, suspek telah bertindak dengan melarikan diri yang mencetuskan aksi kejar-mengejar sehingga perahu berkenaan merempuh kawasan hutan bakau di anak sungai Buang Tawar lalu suspek melarikan diri ke kawasan hutan dan

meninggalkan perahunya. Hasil kerjasama menerusi Operasi Sepadu bersama ABDB, perahu suspek telah ditunda keluar dari kawasan tersebut.

Siasatan lanjut kemudiannya mengesahkan bahawa perahu tersebut membawa sebanyak 380 karton rokok pelbagai jenis.

Kes ini kini disiasat di bawah Seksyen 146(1)(d), Perintah Eksais 2006. Semua barang rampasan termasuk perahu telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk tindakan lanjut.

PPDB menegaskan komitmen untuk terus mempergiatkan rondaan dan pemantauan bagi memastikan perairan negara sentiasa terpelihara dan bebas daripada sebarang kegiatan jenayah.

Orang ramai juga diseru untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti jenayah atau perlakuan mencurigakan yang melanggar undang-undang melalui Talian 993.



SIASATAN lanjut kemudiannya mengesahkan bahawa perahu tersebut membawa sebanyak 380 karton rokok pelbagai jenis.

CAR AUCTION
2025

1998 MERCEDES S-CLASS (W140)
1997 DAIMLER DOUBLE SIX V12

Tarikh:

21 Julai 2025 – 02 Ogos 2025

Tempat:

Rimba Depot
Jalan Dang Kumala Kampong Rimba

Waktu bagi melihat kenderaan dan menghadapakan tawaran:

Isnin - Sabtu	9:00 Pagi – 11:00 Pagi 2:00 Petang – 4:00 Petang
Jumaat	9:00 Pagi – 11:00 Pagi 2:00 Petang – 4:00 Petang
Ahad	TUTUP

Tarikh Tutup: 02 Ogos 2025 @ 4.00 Petang

Borang Tawaran: \$20.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran melalui Debit/Kredit Sahaja

Contoh 1 : Cara mengira zakat wang simpanan

Tarikh	Masuk	Keluar	Baki
20 Syaaban 1441	BND10,000	-	BND10,000 (cukup nisab)
1 Ramadan 1441	-	BND3,000	BND7,000* (baki terendah)
10 Syawal 1441	BND1,000	-	BND8,000
4 Zulkaedah 1441	BND1,000	-	BND9,000
6 Muharam 1442	BND600	-	BND9,600
16 Safar 1442	-	BND1,000	BND8,600
8 Jamadilakhir 1442	-	BND200	BND8,400
6 Syaaban 1442	-	BND1,000	BND7,400
19 Syaaban 1442	BND100	-	BND7,500

- * Cukup nisab ialah sebanyak BND10,000 bermula pada 20 Syaaban 1441 Hijrah. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Hijrah (cukup haul) pada 19 Syaaban 1442.
- * Baki terendah dalam tempoh haul itu (20 Syaaban 1441 hingga 19 Syaaban 1442) yang cukup nisab ialah BND7,000.
- * Maka zakat yang wajib dikeluarkan bagi wang simpanan di atas adalah $BND7,000 \times 2.5\% = BND175$.

Contoh 2 : Cara mengira zakat wang simpanan

Tarikh	Masuk	Keluar	Baki
26 Januari 2020	BND2,630	-	BND2,630
10 Februari 2020	-	BND500	BND2,130
24 Februari 2020	BND2,630	-	BND4,760
11 Mac 2020	-	BND600	BND4,160
24 Mac 2020	BND2,630	-	BND6,790 (cukup nisab)
7 Apr 2020	-	BND100	BND6,690 (baki terendah)
26 Apr 2020	BND2,630	-	BND9,320
14 Mei 2020	-	BND1,200	BND8,120
25 Mei 2020	BND2,630	-	BND10,750
20 Jun 2020	-	BND4,000	BND6,750
27 Jun 2020	BND2,630	-	BND9,380
15 Julai 2020	-	BND1,200	BND8,180
25 Julai 2020	BND2,630	-	BND10,810
6 Ogos 2020	-	BND1,200	BND9,610
26 Ogos 2020	BND2,630	-	BND12,240
11 Sept 2020	-	BND5,000	BND7,240
27 Sept 2020	BND2,630	-	BND9,870
14 Oktober 2020	-	BND2,600	BND7,270
27 Oktober 2020	BND2,630	-	BND9,900
18 Nov 2020	-	BND1,200	BND8,700
26 Nov 2020	BND2,630	-	BND11,330
21 Disember 2020	-	BND2,800	BND8,530
26 Disember 2020	BND2,630	-	BND11,160
20 Januari 2021	-	BND3,000	BND8,160
25 Januari 2021	BND2,630	-	BND10,790
22 Februari 2021	-	BND3,500	BND7,290
24 Februari 2021	BND2,630	-	BND9,920
21 Mac 2021	-	BND2,500	BND7,420
23 Mac 2021	BND2,630	-	BND10,050
1 Apr 2021	-	BND2,500	BND7,550

- * Cukup nisab ialah sebanyak BND6,790 bermula pada 24 Mac 2020. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Hijrah (cukup haul) pada 23 Mac 2021.
- * Baki terendah dalam tempoh haul itu (24 Mac 2020 hingga 23 Mac 2021) yang cukup nisab ialah BND6,690.00.
- * Maka zakat yang wajib dikeluarkan bagi wang simpanan di atas adalah $BND6,690 \times 2.577\% = BND172.40$ sen.

Kewajipan mengeluarkan zakat, panduan pengiraan zakat

SIRI AKHIR

Zakat Harta

ZAKAT Harta ialah zakat yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam yang memiliki harta yang tertentu mengikut syarat-syarat yang tertentu.

Syarat-syarat wajib zakat

1. Beragama Islam
Zakat hanya diwajibkan kepada orang-orang Islam sahaja.
2. Merdeka
Bukan hamba.
3. Hak milik yang sempurna
Harta yang hendak dizakat hendaklah dimiliki secara tetap dan dikuasai oleh pemiliknya untuk membelanjakannya.
4. Cukup nisab
Telah mencapai jumlah minimum yang wajib zakat.
5. Cukup haul
Cukup tempoh satu tahun mengikut Tahun Hijrah (iaitu 354 hari atau 365 hari bagi Tahun Masihi). Jika mengikut tempoh Tahun Hijrah kadar zakatnya ialah 2.5 peratus, dan jika mengikut Tahun Masihi kadar zakatnya ialah 2.577 peratus.

Jenis-jenis harta yang wajib zakat

1. Binatang ternakan iaitu unta, lembu, kerbau dan kambing.
2. Emas, perak dan wang simpanan.
3. Semua jenis perniagaan.
4. Tanam-tanaman yang menjadi makanan asasi dan mengenyangkan daripada jenis biji-bijian dan buah-buahan seperti padi, gandum, kurma dan sebagainya.
5. Harta rikaz - harta yang dijumpai kepunyaan orang zaman Jahiliyah (sebelum Islam).

Zakat wang simpanan

1. Wang ringgit adalah mengikut nilai emas.
2. Kadar nisab wang simpanan adalah mengikut nisab emas iaitu 85 gram atau BND6,647.00 (mengikut harga emas 21 karat semasa iaitu BND78.20 satu gram).
3. Kadar zakatnya ialah 2.5 peratus atau 1/40.

Syarat-syarat wajib zakat wang simpanan

1. Islam
2. Merdeka
3. Hak milik yang sempurna
4. Cukup nisab
5. Cukup haul (1 tahun)

Cara pengiraan :

Oleh : Jabatan Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan
Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

Tempat membayar zakat, pertanyaan

1. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Talian : +673 2382525 / 2382300 / 2382311 / 2382312
E-mel : muib@mora.gov.bn
Laman sesawang : www.religious-affairs.gov.bn atau www.zakat-muib.gov.bn
2. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Daerah Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.
Talian : +673 3334347
3. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong.
Talian : +673 4221486
4. Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat Daerah Temburong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong.
Talian : +673 5221596
5. Melalui amal-amal yang dilantik di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat.
6. Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) (pemotongan terus melalui akaun).
7. Bank Islam Brunei Darussalam.

Contoh 3 : Cara mengira zakat wang simpanan

Tarikh	Masuk	Keluar	Baki
13 Januari 2020	BND1,800	-	BND1,800
15 Januari 2020	BND5,000	-	BND6,800 (cukup nisab)
20 Mac 2020	BND1,000	-	BND7,800
24 Mei 2020	BND1,000	-	BND8,800
3 Jun 2020	-	BND1,800	BND7,000
16 Ogos 2020	BND1,000	-	BND8,000
8 Oktober 2020	-	BND2,000	BND6,000
6 Disember 2020	-	BND2,500	BND3,500* (baki terendah)
14 Januari 2021	BND1,000	-	BND4,500

- * Cukup nisab ialah sebanyak BND6,800 bermula pada 15 Januari 2020. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Masihi (cukup haul) pada 14 Januari 2021.
- * Baki terendah dalam tempoh haul (15 Januari 2020 hingga 14 Januari 2021) ialah BND3,500.
- * Oleh kerana baki terendah itu tidak cukup nisab (BND6,647) maka tidaklah wajib zakat ke atasnya kerana terputus haulnya pada tahun itu.

Contoh 4 : Cara mengira zakat wang simpanan (simpanan di dua buah bank)

Tarikh	Baki Bank A	Baki Bank B	Baki Semua
1 Januari 2020	BND4,000	BND3,500	BND7,500 (cukup nisab)
1 Februari 2020	BND4,500	BND3,500	BND8,000
4 Mac 2020	BND4,000	BND4,000	BND8,000
6 Jun 2020	BND3,500	BND3,500	BND7,000* (baki terendah)
16 Julai 2020	BND4,000	BND5,000	BND9,000
8 Oktober 2020	BND4,500	BND5,500	BND10,000
6 Disember 2020	BND5,000	BND4,500	BND9,500
31 Disember 2020	BND5,500	BND3,000	BND8,500

- * Cukup nisab ialah sebanyak BND7,500 bermula pada 1 Januari 2020. Bermula dari tarikh ini ia genap setahun Masihi (cukup haul) pada 31 Disember 2020.
- * Baki terendah dalam tempoh haul itu (1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020) yang cukup nisab ialah BND7,000.
- * Maka zakat yang wajib dikeluarkan bagi wang simpanan di atas adalah $BND7,000 \times 2.577\% = BND180.39$ sen.



Lahirkan generasi usahawan pertanian muda

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ihsan Peserta Program Pendedahan Belia-belia Yang Berpotensi Untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi Kali Ke-10

SEKTOR pertanian merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di negara ini. Dalam hal ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah melaksanakan beberapa inisiatif yang memfokuskan bidang pertanian agar mereka yang berminat dalam bidang tersebut berpeluang mengetahui lebih dalam lagi potensi yang dapat diraih dalam bidang pertanian.

Salah satu inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan mengendalikan Program Pendedahan Belia-belia Yang Berpotensi Untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi. Tahun ini merupakan kali Ke-10 program seumpama diadakan dan telah disertai oleh 19 peserta daripada kalangan belia sektor swasta, akademik dan individu persendirian yang berpotensi menceburi bidang pertanian moden.

Pengisian program

Selama sembilan hari program diadakan iaitu bermula 23 Jun 2025 hingga 5 Julai 2025, para peserta mengikuti sesi taklimat dan penempatan di ladang-ladang terpilih. Antara topik yang dikongsikan termasuk peluang pelaburan dalam pertanian,

teknologi hidroponik dan fertigasi, kawalan penyakit dan musuh perosak tanaman, proses permohonan tapak pertanian serta pendaftaran perniagaan. Para peserta program juga ditempatkan di beberapa buah ladang terpilih yang secara tidak langsung memberi pendedahan kepada mereka terhadap sistem pengeluaran moden dan peluang perniagaan berkaitan pertanian, termasuk akses pasaran domestik dan eksport. Antara lokasi ladang penempatan ialah Hua Ho Agricultural Farm, Harvest Moon Trading, Akmal Asmaan Agriculture Farm, Gropoint Sdn. Bhd., Food United dan Natural Healing Enterprise.

Pengalaman sumber inspirasi

Salah seorang peserta program, Dayang Noor Fazira Hanem binti Amdani menjelaskan penyertaannya dalam program berkenaan telah membuka mata dan minda beliau selaku suri rumah tangga mengenai peluang-peluang dalam bidang pertanian.

"Banyak manfaat saya peroleh seperti pengetahuan tentang sewa tapak, baja organik, penyakit tanaman, serangan serangga, peralatan pertanian, strategi pemasaran dan pengurusan kewangan. Yang paling menyeronokkan ialah praktikal di ladang yang mendedahkan kami dengan keadaan situasi sebenar ladang pertanian

seperti menyemai benih, *pruning*, *harvesting* dan banyak lagi," ujarnya.

Melalui pengetahuan dari program itu juga beliau telah mula bertanam cili dan jika berjaya dia ingin melanjutkan ke perancangan seterusnya. Dayang Noor Fazira Hanem sangat berharap pengalaman yang diperolehnya itu dapat menjadi inspirasi kepada ibu-ibu tunggal sepertinya yang masih mencari-cari minat yang boleh membawa kepada pendapatan dan perniagaan.

Sementara itu, Dayang Siti Nor Sakinah Syairah binti Haji Abdur Rafae'a, seorang alumni Universiti Brunei Darussalam dalam bidang Sociology-Anthropology menjelaskan program ini amat berguna bagi seseorang seperti beliau yang sudah lama berhasrat untuk menceburi sektor agromakanan dan pertanian.

"Dalam program ini sendiri, terutamanya semasa lawatan ke ladang swasta, para peladang telah berkongsi kepada saya bahawa kreativiti dan kesediaan untuk mempelajari kemahiran di luar bidang kepakaran adalah sama pentingnya dengan usaha kolektif dalam bidang pertanian," katanya.

Dayang Siti Nor Sakinah Syairah juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Natural Healing kerana telah menunjukkan kepada mereka kaedah penggunaan organik bagi racun perosak dan baja dalam penanaman hasil mereka.

Manakala bagi Awang Arif Hamizan bin Salleh pula menjelaskan program ini bukan

saja mendedahkan mereka kepada aspek teknikal pertanian tetapi juga memberi ruang untuk para peserta melihat sendiri realiti dunia pertanian, iaitu dari peringkat awal sehingga ke pengurusan dan pemasaran. Peluang berinteraksi secara langsung bersama petani-petani tempatan dan pakar merupakan salah satu pengalaman berharga di mana mereka berkongsi pengalaman sebenar dan bukan teori semata-mata.

Awang Arif Hamizan yang sememangnya berminat dengan konsep pertanian moden dan mampan terutama yang menggunakan teknologi, melahirkan kepercayaan bahawa pertanian adalah antara sektor berpotensi tinggi bagi generasi muda untuk terokai sebagai sumber rezeki dan sumbangan kepada negara.

Harapan

Program yang menggalakkan penyertaan belia dalam sektor pertanian, khususnya dalam bidang pertanian berasaskan teknologi tinggi ini diharap dapat melahirkan generasi usahawan pertanian muda yang progresif dan menyumbang kepada peningkatan KDNK sektor pertanian di negara ini. Oleh itu, penglibatan golongan belia yang produktif dalam sektor ini adalah sangat diharap-harapkan bagi membantu meningkatkan penghasilan dan mengembangkannya sektor pertanian negara.





KADAR KEMISKINAN DI UZBEKISTAN TERUS MENURUN

TASHKENT, 27 Julai. - Kadar kemiskinan di Uzbekistan menurun lagi kepada 6.8 peratus setakat 1 Julai 2025, lapor Xinhua pada Jumaat yang memetik kenyataan perkhidmatan media presiden negara itu.

Mengikut data rasmi terdahulu, kadar kemiskinan di Uzbekistan pada akhir 2024 berada pada

paras 8.9 peratus.

Kenyataan pada Jumaat itu turut menyebut bahawa Presiden Shavkat Mirziyoyev telah meneliti satu pembentangan berhubung pendekatan baharu bagi sistem pekerjaan dan pendidikan vokasional.

Sejak awal tahun ini, pelbagai model berasaskan pengalaman antarabangsa telah diperkenalkan dalam sektor berkenaan. Antara

inisiatif utama ialah kerjasama aktif antara sistem perbankan dan komuniti kejiranan tempatan yang dikenali sebagai 'mahalla', bagi menyokong usaha memastikan peluang pekerjaan.

"Dalam separuh pertama tahun ini sahaja, lebih tiga juta individu telah terlibat dalam pekerjaan yang menjana pendapatan," menurut kenyataan itu.

"Sistem yang diwujudkan untuk

mengurangkan kemiskinan serta peruntukan dana khusus untuk tujuan itu kini menunjukkan hasil yang positif. Sehingga 1 Julai tahun ini, kadar kemiskinan di negara ini menurun kepada 6.8 peratus," kata perkhidmatan media presiden.

Pembentangan itu turut menampilkan inisiatif dan langkah baharu yang bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan.

Menurut pendekatan terkini, pihak berkuasa berkaitan pekerjaan disaran beralih daripada peranan pengawasan kepada struktur kerjasama yang menyokong majikan.

Pada September 2024, Mirziyoyev menyatakan bahawa usaha membasmi kemiskinan di Uzbekistan akan dijadikan sebagai satu gerakan nasional. - ©BERNAMA

Trump gesa Eropah urus isu imigresen dengan lebih baik

LONDON, 26 Julai. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump menggesa negara-negara Eropah supaya mengurus isu imigresen dengan lebih baik, ketika tiba di Scotland bagi lawatan empat hari ke dua kelab golf miliknya di Aberdeen dan Ayrshire, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Trump tiba sekitar 8.30 malam Jumaat dan disambut oleh Setiausaha Scotland, Ian Murray sebelum bercakap kepada wartawan.

"Berkenaan imigresen, lebih baik anda bertindak bersama.

"Anda mungkin tidak akan memiliki Eropah lagi kalau perkara ini berterusan. Anda perlu kawal keadaan.

"Seperti yang anda tahu, bulan lalu tiada sesiapa masuk ke negara kami - tiada langsung, (kami) tutup

semuanya.

"Anda perlu hentikan pencerobohan yang dahsyat sedang berlaku ke atas Eropah," kata Trump ketika ditanya mengenai isu imigresen haram yang lama menjadi fokus dasar United Kingdom.

Trump menyifatkan isu imigresen sebagai 'membunuh Eropah'.

Beliau berkata beberapa pemimpin Eropah berjaya menghalangnya daripada berlaku namun tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya, meskipun beliau tidak menamakan secara khusus pemimpin yang dimaksudkan.

Dalam kenyataan lain, beliau turut memuji Perdana Menteri Britain, Keir Starmer menjelang pertemuan mereka yang dijangka

berlangsung di satu daripada kelab golf miliknya dalam beberapa hari akan datang.

"Saya suka perdana menteri anda. Beliau lebih liberal berbanding saya - seperti yang anda mungkin dengar - tetapi beliau seorang yang baik. Beliau berjaya menyelesaikan rundingan perjanjian perdagangan.

"Anda tahu, mereka telah cuba menyelesaikan rundingan itu selama 12 tahun. Beliau berjaya melakukannya - ia satu perjanjian yang baik, untuk UK," katanya.

Trump juga menyatakan bahawa beliau mungkin akan bertemu Starmer malam esok, walaupun difahamkan pertemuan itu hanya akan berlangsung pada Isnin.

Selain Perdana Menteri UK, Menteri Pertama Scotland, John Swinney serta Presiden

Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen turut dijadualkan bertemu Trump.

Ursula mengesahkan di platform X bahawa beliau akan ke Scotland pada Ahad untuk membincangkan perjanjian perdagangan antara AS dan Eropah.

Trump memberitahu wartawan bahawa terdapat 50/50 peluang untuk perjanjian perdagangan

dimuktamadkan dan menyifatkannya sebagai yang terbesar daripada semuanya.

Trump dan Starmer dijangka membincangkan perubahan terhadap perjanjian perdagangan UK-AS yang mula berkuat kuasa bulan lalu.

Swinney pula berikrar untuk mewakili suara Scotland dalam pertemuan itu. - ©BERNAMA

KAAN, simbol perkembangan industri pertahanan Turkiye sedia beraksi 2026

ISTANBUL, 26 Julai. - Projek jet pejuang Turkiye yang dikenali sebagai "KAAN" kini memiliki tiga prototaip, dengan satu daripadanya digunakan untuk ujian darat, manakala dua lagi dijadual melakukan penerbangan bermula April 2026, kata Ketua Eksekutif Turkish Aerospace Inc. (TAI), Mehmet Demiroglu pada Jumaat, lapor Anadolu Ajansi.

Sempena Pameran Industri Pertahanan Antarabangsa (IDEF) 2025, Demiroglu berkata KAAAN yang mula diperkenalkan pada 2023 dan melakukan penerbangan sulung pada 2024, kini memasuki liga baharu dalam industri aeroangkasa.

Edisi ke-17 IDEF yang berlangsung selama enam hari bermula Selasa, dianjurkan serentak di Pusat Pameran Istanbul, Lapangan Terbang Atatürk, Hotel Wow dan Marina

Atakoy.

Pameran itu dianjurkan oleh KFA Fairs dengan sokongan Sekretariat Industri Pertahanan Turkiye (SSB) dan Yayasan Angkatan Tentera Turkiye, manakala Anadolu merupakan rakan komunikasi global.

Demiroglu berkata Fasa 1 pengeluaran KAAAN akan bermula.

"Kami telah melengkapkan segala persiapan untuk melancarkan Fasa 1. Saya belum mahu berkongsi butiran lanjut, tetapi anda boleh jangkakan beberapa kejutan.

"Semua ini menunjukkan sejauh mana kemajuan Turkiye dan betapa pentingnya platform KAAAN," katanya.

Beliau turut menyatakan hanya empat negara di dunia pernah membina jet pejuang seumpama itu dan terdapat beberapa konsortium yang sedang

mencuba.

Sebuah konsortium yang dimulakan oleh Turkiye dan diumumkan semasa Paris Airshow pada 2018, dijangka hanya akan melakukan penerbangan pertama sekitar 2035-2040.

"Ini menunjukkan kepantasan, keyakinan dan kemampuan Turkiye. Kami tidak melihat KAAAN sekadar projek pesawat.

"KAAN ialah perjalanan ke arah kemuncak industri pertahanan negara - bukan hanya oleh TAI, tetapi hasil usaha kolektif negara," katanya.

Projek pembangunan KAAAN bermula pada 2016, diperkenalkan secara rasmi pada Mac 2023 dan melakukan penerbangan sulung pada Februari 2024. Pada Mei 2023, Presiden Recep Tayyip Erdogan mengumumkan nama pesawat itu sebagai KAAAN. - ©BERNAMA

3 siklon landa Filipina, angka korban meningkat kepada 30 orang

MANILA, 26 Julai. - Sekurang-kurangnya 30 rakyat Filipina disahkan terkorban akibat fenomena monsun barat daya yang dicetuskan tiga siklon tropika, mengakibatkan banjir kilat dan tanah runtuh sejak minggu lalu, lapor Xinhua memetik agensi kerajaan Filipina pada Sabtu.

Dalam laporan terbaharu, Majlis Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana Kebangsaan (NDRRMC) memaklumkan bahawa tujuh orang masih hilang, sama ada dihanyutkan oleh banjir

kilat atau tertimbus dalam kejadian tanah runtuh.

Agensi itu turut melaporkan bahawa bencana berkenaan menyebabkan 10 orang cedera.

NDRRMC juga melaporkan lebih 1.46 juta keluarga, bersamaan kira-kira 5.30 juta penduduk terjejas di seluruh negara.

Pejabat Pertahanan Awam Filipina pula memaklumkan bahawa sebanyak 88 bandar dan majlis perbandaran mengisytiharkan darurat bencana bagi mempercepatkan usaha

bantuan kecemasan dan memudahkan akses kepada sumber yang diperlukan.

Siklon Wipha, Francisco dan Co-May telah meninggalkan Filipina, namun jabatan meteorologi negara itu memberi amaran bahawa monsun barat daya dijangka terus membawa hujan lebat dalam beberapa hari akan datang, khususnya di beberapa bahagian pulau Luzon.

Filipina secara purata dilanda kira-kira 20 taufan setiap tahun. - ©BERNAMA

AKPS tolak kemasukan 99 warga asing di KLIA

KUALA LUMPUR, 26 Julai. - Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) menolak kemasukan 99 warga asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1, semalam selepas gagal melepasi saringan keselamatan.

AKPS dalam kenyataan hari ini memaklumkan kesemua individu berkenaan terdiri daripada 80 warga Bangladesh, 10 dari India dan sembilan dari Pakistan.

"Penolakan dibuat kerana mereka gagal memenuhi syarat imigresen termasuk mempunyai tujuan lawatan dan rekod perjalanan yang meragukan.

"Kesemua 99 individu berkenaan yang merupakan lelaki telah diuruskan untuk proses dokumentasi lanjut dan dihantar pulang semula ke negara asal mengikut prosedur undang-undang sedia ada," menurut kenyataan itu.

AKPS memaklumkan operasi intensif selama tujuh jam bermula 9.30 pagi itu diketuai Unit Pemantau KLIA Terminal 1 dengan sokongan Unit Integriti yang telah memeriksa lebih 400 individu dan menasaskan penerbangan berisiko tinggi.

"Ia melibatkan semakan latar belakang, dokumentasi perjalanan dan temu bual secara individu," menurut kenyataan itu.

AKPS memaklumkan langkah penguatkuasaan seperti itu akan terus dipertingkatkan secara berkala sebagai strategi proaktif bagi menangani ancaman seperti sindiket penyeludupan manusia dan penyalahgunaan pas lawatan sosial. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan, Itali bergelut padam api di beberapa wilayah

ISTANBUL/ROM, 26 Julai. - Usaha memadam kebakaran hutan di beberapa wilayah di Itali diteruskan pada Jumaat, dengan tumpuan utama di pulau Sicily, lapor Anadolu Ajansi memetik sumber tempatan.

Beberapa kebakaran hutan dilaporkan berlaku sejak awal minggu ini terutama di antara kawasan Trapani dan Palermo di barat Sicily, dengan kebakaran terbaharu bermula berhampiran bandar Grisi sebelum merebak ke Partinico.

Dua pesawat pemadam kebakaran dan dua helikopter dikerah ke lokasi kejadian, manakala pasukan bomba dan pertahanan awam turut bertungkus-lumus memadam kebakaran.

Kebakaran juga merebak ke kawasan perumahan dan jalan raya, menyebabkan kerosakan ke atas rumah, bangsal dan infrastruktur.

Agensi berita Itali ANSA melaporkan lebih 50 kebakaran tercetus berhampiran Palermo sejak beberapa hari kebelakangan ini, dengan suhu melebihi 40 darjah Celsius.

Di bandar Partinico, tujuh kebakaran dilaporkan, mengakibatkan dua rumah musnah. Pihak berkuasa telah memindahkan kira-kira 30 keluarga sebagai langkah berjaga-jaga.

Seorang anggota bomba dimasukkan ke hospital akibat terhidu asap tebal.

Sementara itu, kebakaran turut berlaku di bahagian timur Sicily, termasuk berhampiran kawasan Mineo dan bandar Catania.

Di pulau Sardinia, kebakaran berhampiran Serramanna di selatan berjaya dikawal pada petang. - ©BERNAMA

KONTINJEN PENCAK SILAT SEKOLAH SUKAN RAIH PERAK, GANGSA



KETIBAAN kontinjen di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei disambut oleh Pemangku Penolong Pengarah, Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas yang juga Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar di Jabatan Sekolah-Sekolah (atas kiri dan atas kanan).

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui kontinjen Sekolah Sukan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bertanding dalam Thailand Sports School Games Ke-26, Ubon Ratchathani Province Thailand 2025 bagi acara olahraga dan pencak silat telah berjaya membawa pulang tiga pingat perak dan satu gangsa kali ini.

Pada kejohanan yang bermula dari 16 hingga 26 Julai itu, kontinjen diketuai oleh Chef de Mission yang juga Pengurus Pasukan iaitu Pegawai Pendidikan Sekolah Sukan NBD, Awang Muhammad Hadi Dinie bin Haji Abd. Rahman dan dua jurulatih iaitu Muhd. Azizan bin Haji Marsad sebagai Jurulatih Pencak Silat dan Nahdhatul Simaa binti Haji Sabtu sebagai Jurulatih Olahraga.

Ketibaan kontinjen di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini disambut oleh Pemangku Penolong Pengarah, Pengiran Ali Shafie bin Pengiran Haji Abas yang juga Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar di Jabatan Sekolah-Sekolah.

Pengurus Pasukan, Awang Muhammad Hadi Dinie semasa ditemu bual menjelaskan, prestasi para atlet amat

memberangsangkan sekali di mana atlet olahraga berjaya memecahkan rekod - rekod peribadi mereka dan atlet pesilat berjaya meraih pingat untuk pencapaian kejohanan pada tahun ini.

Seramai sembilan pelajar dari Sekolah Sukan NBD telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini, terdiri daripada lima atlet olahraga serta empat atlet pencak silat.

Pingat perak yang pertama diraih oleh Dayang Nursyakirah Mawaddah binti Mohd. Fauzi melalui Kategori Tunggal Wanita 18 Tahun Ke Bawah. Sementara Awang Muhd. Ra'id Naim bin Muhd. Syamsuddin meraih pingat perak melalui Kategori Kelas 'D' Tanding Lelaki di Bawah Umur 16 Tahun dan Awang Muhd. Firas Naim bin Muhd. Syamsuddin meraih pingat perak melalui Kategori Kelas 'A' Tanding Lelaki di Bawah Umur 18 Tahun, manakala Muhammad Asyraf Syafiee bin Norazrin meraih pingat gangsa melalui Kategori Kelas 'F' Tanding Lelaki 14 Tahun Ke Bawah.

Manakala atlet-atlet olahraga iaitu Awang Muhd. Asyraf Hidayatullah bin Zuhazmi, Awang Asryan bin Asran, Awang Muhammad Dubeis Waquiddin bin Mardeny, Dayang Nurazizatul Shareena binti Ashari dan

Dayang Quratul Ain binti Irwan berjaya memecahkan rekod peribadi masing-masing di dalam acara Larian dan Lompat Jauh di Bawah Umur 14 Tahun, 16 Tahun dan 18 Tahun.

Awang Muhammad Hadi Dinie juga menyatakan beberapa kesukaran semasa kejohanan berlangsung antaranya mengharungi sembilan jam perjalanan dari Bangkok ke Ubon Ratchathani selain daripada kesukaran untuk mencari restoran makanan halal yang bersih.

Justeru itu, tambahnya, inisiatif untuk membawa periuk elektrik dan beberapa makanan tin serta pembelian makanan beku yang halal agar tidak menjejaskan kesihatan atlet sekali gus memastikan atlet dan jurulatih mendapat makanan yang bersih dan tidak menjejaskan kesihatan sepanjang tempoh kejohanan tersebut diadakan.

Kejohanan kali ini juga katanya, disertai lebih daripada 20 buah Sekolah Sukan kerana ia salah satu sukan yang berprestij yang dibuat secara tahunan di Thailand. Antara Sekolah Sukan luar negara yang dijemput ialah Sekolah Sukan NBD, Sekolah Sukan Sabah, Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Singapura dan Sekolah Sukan Perak.

Sementara para atlet berasa sangat bersyukur dan berbangga kerana dapat menyumbangkan pingat buat NBD.

Pemenang pingat perak Kategori Kelas 'A' Tanding Lelaki di Bawah Umur 18 Tahun, Awang Muhd. Firas Naim berkata kejayaannya itu semua hasil daripada usaha keras, sokongan daripada jurulatih, keluarga dan rakan sepasukan sekali gus dapat membawa nama negara di pentas antarabangsa yang merupakan satu penghormatan besar bagi dirinya.

Tambahnya, kategori yang dipertandingkannya di sepanjang tempoh itu sangat mencabar akan tetapi juga sangat bermakna kerana kesempatan menimba pengalaman untuk bertanding dengan atlet dari negara-negara lain setentunya

memberi peluang untuk belajar dan memperluaskan pengalaman berlawan di luar negara. Meskipun ada mengalami sedikit tekanan namun ia telah berusaha untuk kekal fokus untuk terus memberikan yang terbaik.

Berkaitan dengan persiapan, Awang Muhd. Firas Naim menjelaskan, "Saya sudah pun bermula beberapa bulan lebih awal, termasuk latihan fizikal yang intensif, kawalan pemakanan untuk kekalkan berat badan, serta latihan teknik dan strategi dalam silat.

"Saya juga jaga kesihatan mental dengan sokongan daripada jurulatih dan keluarga. Setiap hari saya berlatih dengan disiplin tinggi untuk pastikan saya bersedia dari segi fizikal dan mental".

Sementara Dayang Nursyakirah Mawaddah pula terharu dan juga teruja kerana segala penat lelah, latihan dan pengorbanan akhirnya membuahkan hasil. Walaupun tahu masih banyak ruang untuk diperbaiki akan tetapi pencapaian tersebut memberi semangat untuk dirinya terus maju.

"Saya menyertai Acara Silat Seni Tunggal Wanita Bawah 18 Tahun, iaitu satu persembahan individu yang menekankan kepada keaslian gerak, kekemasan teknik, kekuatan, serta penghayatan dalam setiap langkah. Pengalaman sepanjang pertandingan sangat bermakna saya belajar untuk lebih fokus, mengawal emosi semasa persembahan dan berdepan tekanan pertandingan. Dapat berjumpa dan menyaksikan persembahan daripada atlet-atlet hebat dari negara lain juga menjadi satu inspirasi besar buat saya," katanya.

Dayang Nursyakirah Mawaddah juga menceritakan sudah mempersiapkan diri dengan latihan yang konsisten dan disiplin dalam dua kali sehari iaitu jam 5.00 pagi hingga 6.00 pagi dan 4.00 petang hingga 6.00 petang.

"Latihan saya bukan sekadar memperkemas gerakan dan merapikan setiap langkah tetapi juga melibatkan latihan bebanan,



CHEF de Mission yang juga Pengurus Pasukan iaitu Pegawai Pendidikan Sekolah Sukan NBD, Awang Muhammad Hadi Dinie bin Haji Abd. Rahman.

kelajuan dan ketahanan. Jurulatih saya juga banyak membantu dari segi penilaian mutu persembahan dan mempamerkan penghayatan gerakan persilatan.

"Selain latihan fizikal, saya juga fokus kepada kekuatan mental, menjaga kesihatan, pemakanan dan cuba memastikan saya cukup rehat agar dapat memberikan yang terbaik pada hari pertandingan," tambahnya lagi.

Hadir sama menyambut ketibaan rombongan ialah Pengetua Sekolah Sukan, Awang Alexandar bin Bandang; Timbalan Pengetua Sukan Sekolah Sukan, Awang Haji Mohd. Azrin bin Haji Aji dan Timbalan Pengetua Pentadbiran dan Akademik Sekolah Sukan, Dayang Norjalina binti Haji Jaafar.

Objektif penyertaan antaranya adalah sebagai satu landasan untuk atlet menimba pengalaman serta menguji prestasi atlet sebelum Kejohanan ASEAN School Games di Brunei Darussalam pada bulan November 2025 itu nanti.

Penyertaan Sekolah Sukan terakhir ke Thailand Sports School Games adalah pada tahun 2023.



DAYANG Nursyakirah Mawaddah binti Mohd. Fauzi dan Awang Muhd. Firas Naim bin Muhd. Syamsuddin (kiri dan kanan).



MENYEMAI SEMANGAT KESATUAN MELALUI AKTIVITI RIADAH



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat serta merasmikan acara walkaton berkenaan yang bermula dan berakhir di Masjid Kampung Penapar, Tutong (kiri dan kanan).

TUTONG, Ahad, 27 Julai. - Sempena menyambut 1447, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Penapar menganjurkan Program Walkaton dan Derma yang disertai oleh lebih kurang 400 orang bertempat di Masjid Kampung Penapar, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Atur cara program dimulakan dengan

sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Kemudian acara diteruskan dengan sesi pemanasan badan yang dipimpin oleh wakil daripada pelatih Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan diselenggarakan dengan perasmian acara walkaton sepanjang lebih kurang 2.6 kilometer yang bermula dan berakhir di masjid berkenaan oleh tetamu kehormat majlis.

Pada majlis tersebut juga Pengerusi Majlis menyampaikan ucapan, diikuti dengan penyampaian derma untuk

anak-anak yatim bagi Kampung Penapar Tutong yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan diakhiri dengan Doa Penutup. Sumbangan derma tersebut adalah hasil daripada kutipan infak warga ABDB bagi sama-sama membantu dan mencerdikan lagi anak-anak yatim.

Adapun tujuan program ini diadakan adalah untuk menyemai semangat kesatuan dan ukhuwah sesama orang Islam melalui aktiviti riadah berkelompok. Selain itu, walkaton ini menggalakkan gaya hidup sihat dengan berjalan kaki menurut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Di samping itu juga, membuka ruang untuk orang ramai memberi derma sebagai tanda syukur dan tanggungjawab sosial terhadap komuniti.

Kejayaan majlis seumpama ini juga adalah atas sokongan padu daripada penduduk Kampung Penapar dan sekitarnya. Ia juga merupakan sebahagian usaha berterusan daripada AJKT masjid dalam memperkukuhkan lagi silaturahim sesama insan.

Program Gemilang Olahraga gilap kemahiran belia



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Temburong

TEMBURONG, Ahad, 27 Julai. - Dengan matlamat 'Membina Wira Olahraga Masa Depan', iaitu pencarian dan bimbingan atlet olahraga yang berbakat dan berpotensi di Daerah Temburong, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Temburong dengan kerjasama Persekutuan Olahraga Brunei Darussalam pagi tadi melaksanakan inisiatif berkenaan dalam Program Gemilang Olahraga, bertempat di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Temburong.

Seramai 25 orang peserta menyertai program tersebut yang berumur di bawah 21 tahun dalam kalangan penduduk di Daerah Temburong dengan bimbingan jurulatih yang bertauliah dan berpengalaman dari JBS,

iaitu Awang Azmizie bin Abdul Rahman.

Dalam program ini, para peserta mempelajari dan mendalami teknik asas dan mempraktikkan segala tunjuk ajar daripada jurulatih yang dinilai dengan kaedah mencatat rekod peribadi terbaik untuk mengenal pasti kekurangan peserta bagi meningkatkan tahap sasaran prestasi terbaik.

Program diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta yang disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

Adapun hala tuju program ini agar para peserta mengambil peluang ini untuk mendapatkan sesi latihan yang bersistematik dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak jabatan bagi mendukung Visi dan Misi JBS, iaitu 'Ke arah masyarakat sihat dan cemerlang' dan 'Mewujudkan dan membangun masyarakat Brunei ke arah kecemerlangan melalui program belia dan sukan'.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta (atas kiri), manakala gambar kiri, antara peserta yang menyertai program tersebut.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERWASPADA MENGHADAPI CUACA PANAS DAN KERING, ELAKKAN DEHIDRASI